

SYARAT DAN PERATURAN SKIM PINTAR MASJID AR-RAUDHAH

Apa itu Ahli Skim Pintar?

Skim Pintar adalah singkatan bagi **Penderma Tetap Ar-Raudhah**. Ia merupakan sebuah inisiatif untuk memudahkan para Jemaah membuat sumbangan atau derma secara bulanan dan tetap kepada Masjid Ar-Raudhah melalui sistem potongan **GIRO**.

Sebagai tanda penghargaan, ahli Skim Pintar akan menerima konsesi faedah khidmat pengurusan jenazah kendalian Masjid Ar-Raudhah. Skim ini terbahagi kepada dua kategori utama:

1. Skim Pintar Basic (\$5, \$10, \$15 sebulan)

- Penderma akan menerima konsesi khidmat pengurusan jenazah Ar-Raudhah untuk **dirinya sendiri** ATAU **pasangan** (suami/isteri).

2. Skim Pintar Plus (\$20 atau lebih sebulan)

- Penderma akan menerima konsesi khidmat pengurusan jenazah untuk **dirinya sendiri** DAN **keluarga terdekat** yang tinggal di dalam satu alamat yang sama.
- Konsesi ini juga merangkumi **ibu bapa kandung** yang tinggal di alamat berbeza.
- *Nota Tambahan:* Bagi ibu bapa atau ibu bapa mertua yang berdaftar tetapi **tidak tinggal sealamat**, mereka layak menerima **konsesi diskaun sebanyak 50%** untuk khidmat pengurusan jenazah Ar-Raudhah.

#Definisi Keluarga Terdekat: Ibu bapa/Mertua, suami/isteri, anak-anak, dan adik-beradik.

Bagaimana Cara untuk Menjadi Ahli Skim Pintar Plus?

1. **Miliki Akaun Bank:** Penderma harus mempunyai akaun simpanan aktif di bank.
2. **Dapatkan Borang:** Sila hadir ke pejabat Masjid Ar-Raudhah untuk mendapatkan borang pendaftaran GIRO.
3. **Pengesahan Keahlian:** Keahlian anda akan disahkan secara rasmi selepas sumbangan derma berjaya diterima selama **3 bulan berturut-turut**. Manfaat pengurusan jenazah percuma akan bermula pada bulan yang berikutnya.

⚠ Bagaimana Jika Derma Terhenti?

Jika pihak masjid tidak menerima sebarang sumbangan daripada ahli selama **3 bulan berturut-turut**, status keahlian skim akan **digugurkan serta-merta**.

Syarat & Faedah Perkhidmatan Jenazah Percuma

- **Satu Perkhidmatan Sahaja:** Ahli yang layak akan mendapat satu (1) kali Perkhidmatan Pengurusan Jenazah Percuma yang dikendalikan oleh pihak Masjid Ar-Raudhah sahaja. Perkhidmatan ini terhad kepada **Pakej Asas** yang telah ditetapkan (nilai diskaun/subsidi sehingga \$1,000).

- **Tindakan Waris:** Sekiranya berlaku kematian, ahli waris wajib segera menghubungi talian kecemasan di nombor **98337752** untuk urusan jenazah.
- **Status Keahlian Aktif:** Jika ahli gagal mengekalkan status keahlian yang aktif pada masa kematian berlaku, kelayakan konsesi tersebut akan terbatal secara automatik.
- **Syarikat Luar (Jika Tempahan Penuh):** Sekiranya pihak masjid tidak dapat menguruskan jenazah disebabkan slot tempahan yang sudah penuh, pihak masjid akan membantu mendapatkan khidmat daripada syarikat pengurusan jenazah lain. Alternatifnya, waris juga boleh memilih syarikat pilihan sendiri, namun **waris perlu membayar kos tambahan** sekiranya terdapat perbezaan harga daripada syarikat yang digunakan itu.

🚫 Polisi Pembayaran Balik (Refund):

Pihak Masjid Ar-Raudhah **tidak akan menyediakan sebarang tuntutan atau pembayaran balik wang** kepada ahli waris sekiranya mereka menggunakan perkhidmatan syarikat jenazah lain tanpa menghubungi pihak Masjid Ar-Raudhah terlebih dahulu.

Perincian Pakej Jenazah

Bagi memastikan ketelusan, berikut adalah perbezaan antara perkara yang termasuk di bawah **Pakej Asas** (ditanggung skim) dan **Kos Pengecualian** (yang perlu ditanggung sendiri oleh waris):

<p>● PAKEJ ASAS (Ditanggung Skim)</p>	<p>● PENGECUALIAN (Kos Tambahan Ditanggung Waris)</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan jenazah sepenuhnya • Permohonan permit pengkebumian • Perkakas dan peralatan pemandian • Bas pengiring untuk tetamu (Kapasiti 40 pax) • Khidmat Imam berserta tukang mandi • Penyediaan rumput di atas pusara • Penyediaan papan long & nisan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos plot kubur NEA • Bas ke masjid untuk solat jenazah • Bas ke masjid atau ke NEA untuk mandi jenazah • Bayaran doktor bagi pengesahan kematian • Kos mengambil jenazah dari Hospital / Hospice • Urusan kematian import & export

Sumbangan anda melalui Skim Pintar bukan sahaja membantu pengurusan masjid, malah menjadi kebajikan buat anda dan keluarga tersayang di hari kemudian.



JIKA BERLAKU KEMATIAN (Langkah demi langkah)



1. Kematian di rumah

- Hubungi doktor untuk pengesahan kematian
- Siapkan document perubatan



2. Kematian di hospital / Hospice

- Pihak hospital akan uruskan bila jenazah boleh dituntut



4. Bahagikan tugas untuk

- Hubungi Pengurusan Jenazah
- Memaklumkan pada keluarga yang lain
- Hubungi doktor
- Dimana jenazah akan dimandikan dan jam berapa



3. Hubungi Pengurusan Jenazah Ar-Raudhah (98337752)

6. Dokument penting untuk permit pengkebumian

- Sijil kematian
- Gambar IC wakil keluarga
- Alamat email & no talipon



Jika bukan rakyat Singapura

- Pass lawatan, IC, surat beranak, passport



5. Jika yang meninggal Ahli Pintar

- Waris harus hubungi Pengurusan Ar-Raudhah (98337752)



7. Persiapan sebelum jenazah di mandikan

- Siapkan 5 tualan mandi, 5 kain batik lepas
- Bersihkan kawasan dapur untuk pemandian
- Pejamkan mata jenazah jika terbuka
- Tanggalkan semma perhiasannya
- Tutup tubuhnya dengan kain batik lepas